



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.6/2022
PADA 29 JUN 2022 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pada hari ini, kita telah berada pertengahan tahun 2022. Pelbagai perkara dan peristiwa yang telah kita lalui dan hadapi. Pelbagai pahit dan manis dilalui bersama bagi memastikan objektif dan sasaran dicapai. Sudah pasti komitmen yang jitu dan semangat kerja berpasukan diperlukan dalam menggalas tugas seiring dengan visi dan misi Majlis.
5. Kesepakatan dalam membuat keputusan bagi tindakan gerak kerja sememangnya menjadi elemen penting buat warga Majlis Bandaraya Seremban. Sehubungan dengan itu, permuafakatan yang terjalin di antara Ahli Majlis dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dalam mengatasi permasalahan yang dialami oleh warga bandar raya dapat direalisasikan dengan jayanya. Kejayaan dalam membuat keputusan inilah yang dapat merealisasikan ekspektasi warga bandar raya menjadi kenyataan dan sentiasa menghargai usaha-usaha Majlis.

6. Saya ingin menzahirkan rasa terima kasih atas semangat dan komitmen semua Ahli Majlis dan semua warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dalam menyokong usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada warga bandar raya amat saya hargai. Terima kasih juga kerana memastikan segala percangan dapat direalisasikan dengan penuh semangat kerja berpasukan. ***“If everyone is moving forward together, then success takes care of itself”***.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Tiada siapa pernah menyangka COVID-19 telah berjaya mengubah hampir keseluruhan cara kita berfikir, bekerja dan menguruskan Majlis Bandaraya Seremban. Tiada siapa pun di antara kita yang berpengalaman menghadapi situasi ekonomi, sosial dan pandemik yang begitu dinamik seperti hari ini yang telah berlarutan selama lebih 2 tahun. Ini kerana COVID-19 bukan sahaja satu fenomena perubahan, malah juga membawa impak dari segi ekonomi dan perubahan rutin harian. Wabak ini telah menimbulkan banyak ketidakpastian tentang masa hadapan, sekali gus menimbulkan kebimbangan semua.
8. Pada masa kini, kita telahpun beralih dari fasa pandemik kepada endemik, situasi di mana sesuatu penyakit itu sentiasa wujud dalam sesuatu masyarakat atau tempat. COVID-19 akan sentiasa ada bersama kita, cuma pada kadar yang terkawal. Oleh itu, langkah-langkah adaptasi penting untuk kita praktikkan bagi meneruskan kehidupan mendatang kerana untuk kita kembali seperti biasa dalam

masa terdekat masih sukar dijangka. Kita perlu teruskan kehidupan dengan “*the new normal*” atau norma baharu.

9. Sebenarnya banyak hikmah di sebalik musibah yang melanda dalam kita mempraktikkan norma baharu. Contoh perubahan terbesar yang dekat sekali adalah kebiasaan kepada penggunaan teknologi untuk terus bekerja, sama ada dari rumah atau pejabat. Adaptasi ini membolehkan mesyuarat-mesyuarat dapat diteruskan untuk membuat keputusan-keputusan penting dan perjumpaan serta majlis rasmi dapat diadakan walaupun tanpa bersemuka, tanpa menjejaskan produktiviti sektor awam.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Sejak tahun lepas kita dikejutkan dengan fenomena banjir luar biasa yang berlaku di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Bencana ini merupakan fenomena semulajadi yang berlaku hampir setiap tahun. Justeru itu, saya menyeru agar usaha ke arah pemulihan dan persiapan diri dengan ilmu menghadapi risiko bencana alam dipergiatkan. Kita perlu sentiasa bersedia dan cakna dengan sebarang informasi, agar dapat mengambil langkah segera dari aspek keselamatan diri, keluarga dan harta benda supaya berada dalam keadaan selamat.

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima lantikan tetap pada 1 Jun 2022. Seramai 6 orang pegawai terdiri daripada seorang Pembantu Penilaian Gred 19 daripada Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (JPPH) dan lima orang Pembantu Awam Gred 11 daripada Jabatan Kejuruteraan (JKJ). Tahniah diucapkan kepada penerima-penerima lantikan tetap dan saya berharap dengan amanah dan kepercayaan yang diberi akan menjadikan warga Bandaraya Seremban lebih efisien dalam melaksanakan tanggungjawab lebih terus berkualiti.

Sumber: Jabatan Khidmat Pengurusan

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN & KESIHATAN PERSEKITARAN

12. Sehingga minggu ke 21, sebanyak 390 kes demam denggi dan 1 kes kematian telah dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Seremban. Sehubungan dengan itu, Majlis telah menjalankan aktiviti kawalan *fogging* ke atas 24,650 buah premis, ULV di 36,642 buah premis, *larvaciding* di 30 lokaliti, *source reduction* di 30 lokaliti dan Majlis turut mengadakan gotong-royong di 36 taman perumahan di sekitar kawasan Pentadbiran Majlis. Manakala sehingga 30 Mei 2022, Majlis telah mengadakan aktiviti sanitasi sebanyak 208 dan 243 disinfeksi.

13. Bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale, sebanyak 228 kematian biasa dan 501 kematian COVID-19 direkodkan sehingga 16 Jun 2022. Bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 126 kematian biasa dan 23 kematian COVID-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2, sebanyak 125 kematian biasa telah direkodkan. Manakala bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai, masih tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut.

14. Pada 10 Mei 2022 jam 9.00 malam, satu perjumpaan mengenai pembinaan gerai di Taman Desa Melor bersama YB Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd. Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan merangkap Ahli Dewan Undangan Kawasan Paroi telah diadakan bersama-sama dengan peniaga di Surau Taman Satria. Turut hadir sama ketika perjumpaan tersebut ialah Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, En. Sabaruddin bin Sulaiman, Pengarah Kejuruteraan dan wakil dari Jabatan Kawalan Bangunan Majlis Bandaraya Seremban. Perjumpaan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai projek pembinaan gerai baharu sebanyak 12 unit kepada peniaga-peniaga tepi jalan yang terlibat. YB Dato' telah meminta peniaga-peniaga untuk memberi kerjasama dengan Pejabat DUN bagi mengenalpasti lokasi perniagaan sementara, tarikh pindah dari lokasi sedia ada ke lokasi baharu dan mendapatkan senarai peniaga yang terlibat. Senarai itu, YB Dato' telah meminta peniaga-peniaga menghantar senarai nama peniaga yang terlibat kepada Majlis Bandaraya Seremban.

15. Pada 7 Jun 2022 yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima makluman daripada pejabat Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) mengenai perlantikan Yayasan Negeri Sembilan sebagai *One Stop Agency* (OSA) bagi perkhidmatan papan iklan luar di seluruh Negeri Sembilan. Sehubungan dengan itu, pada 8 Jun 2022, satu Sesi Pra Konsultasi Permohonan Lesen Papan Iklan Luar Di Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan untuk membantu Syarikat pengiklanan mendapatkan kelulusan struktur dan lesen papan iklan (*billboard*) di tanah persendirian terutamanya di lebuhraya.

16. Majlis telah menjemput agensi teknikal luaran dan dalaman terdiri daripada Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dan Jabatan/Unit Majlis Bandaraya Seremban untuk membantu memberikan nasihat mengikut bidang kuasa Jabatan masing-masing. Untuk sesi kali pertama ini, Majlis telah menjemput 6 Syarikat Pengiklanan. 4 daripadanya telah hadir iaitu *Spectrum Outdoor Marketing Sdn.Bhd.*, *MN Vision Media Sdn. Bhd.*, *Alfa Outdoor Sdn. Bhd.* dan *Big Tree*.

Sumber: Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Sepanjang bulan Jun 2022, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Kewangan telah mengadakan kaunter bergerak. Kaunter bergerak ini diadakan adalah bagi memudahkan warga bandar raya Seremban menjelaskan bayaran Cukai Taksiran di beberapa buah lokasi terpilih :-

| BIL | TARIKH | LOKASI |
|-----|-------------|--|
| 1. | 21 Jun 2022 | Jabatan Pengangkutan Jalan Cawangan Seremban (Senawang) |
| 2. | 23 Jun 2022 | Dataran Perbadanan Kemajuan Negeri, N.Sembilan (Seremban 2) |

Sumber: Jabatan Kewangan

PELAPORAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

18. Pada 18 April 2022 dan 6 Mei 2022 yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Kewangan telah mencetak dan menghantar sebanyak 11,988 notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai (KPSN). Susulan daripada notis tersebut, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima bantahan daripada pemilik harta yang tidak berpuas hati ke atas cadangan pindaan Cukai Taksiran yang baharu.

19. Sebanyak 46 orang daripada 11,988 harta atau 0.3% daripada jumlah harta yang terlibat dengan pindaan Cukai Taksiran telah mengemukakan bantahan. 46 harta tersebut adalah terdiri daripada kawasan kediaman sebanyak 35 harta (76%), industri 4 harta (8%) dan pertanian 7 harta (15%).
20. Semua pemilik harta yang membuat bantahan telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Lembaga Mendengar Bantahan/Rayuan Cukai Taksiran Penggal 2/2022 yang telah diadakan pada 14 Jun 2022 jam 9.00 pagi di Bilik Dato' Shahbandar, Wisma MBS. Mesyuarat tersebut diadakan bagi memberi peluang kepada pemilik Cukai untuk mengemukakan bantahan atau rayuan berhubung cadangan Cukai Taksiran baharu kepada Majlis Bandaraya Seremban.
21. Seramai 33 orang pemilik harta telah hadir dan diberi ruang untuk membuat bantahan dan rayuan. Majlis Bandaraya Seremban turut memberikan penjelasan dan menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pemilik harta berkaitan Cukai Taksiran dan isu-isu lain berkaitan Majlis. Majlis Bandaraya Seremban akan mengeluarkan surat keputusan ke atas bantahan/rayuan tersebut dalam masa 14 hari kepada semua pemilik harta yang membuat bantahan.

Sumber: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

INTEGRITI

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

22. Aspek mengukuhkan sifat integriti dalam diri penjawat awam perlu dimulakan pada peringkat awal lagi. Sehubungan dengan itu, saya menyeru dan mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk sentiasa mendukung nilai integriti dan nilai-nilai positif pada tahap professional Majlis Bandaraya Seremban agar sentiasa berada pada tahap yang tertinggi.

23. Sebagaimana ucapan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah di dalam Majlis Amanat Lantikan Baharu Penolong Pegawai Tadbir pada 8 Jun 2022 yang lalu beliau menegaskan bahawa, "Integriti bukan sekadar bermaksud menghindari daripada perlakuan rasuah dan salahguna kuasa yang melibatkan wang ringgit, malah integriti juga perlu diterjemahkan dalam pematuhan dan pengurusan masa bekerja, penggunaan dan kemudahan alatan pejabat, serta perkongsian maklumat dengan Ketua Jabatan, rakan sekerja mahupun pelanggan. Tanggungjawab dan amanah kerja yang dilaksanakan perlu dilakukan dengan penuh ketulusan hati dan berlandaskan pada ajaran agama dan nilai-nilai murni".

24. Kehendak dan harapan daripada pelanggan pada hari ini semakin tinggi terutamanya bagi perkhidmatan yang disediakan oleh agensi barisan hadapan. Peningkatan dalam pengetahuan dan kemajuan dalam bidang komunikasi serta teknologi maklumat menjadikan prestasi perkhidmatan awam lebih mudah untuk diteliti dan dinilai oleh warga bandaraya Majlis. Aspek seperti kecekapan, kualiti perkhidmatan, dan integriti dalam penyediaan perkhidmatan menjadi kayu pengukur utama oleh pelanggan. Sehubungan dengan itu, saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan supaya lebih responsif dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan MBS.

Sumber: Unit Integriti

PENUTUP

YBhg. Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. Saya berharap warga Bandaraya Seremban akan terus sentiasa menumpukan usaha dan bertanggungjawab dalam memajukan serta berusaha untuk menambahbaik sistem penyampaian kepada warga Bandar Raya Seremban. Melalui pengauditan Sistem Penarafan Bintang (*Star Rating*) Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang dijalankan semalam, *Insyah Allah* saya yakin dan percaya Majlis Bandaraya Seremban dapat meraih kepercayaan dan pengiktirafan yang lebih cemerlang seterusnya dapat menjaga nama baik reputasi Majlis Bandaraya Seremban sebagai sebuah PBT cemerlang luaran

dan dalaman yang mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

26. Akhir kata, semoga segala usaha kita dalam memajukan dan menambahbaik sistem perkhidmatan dan penyampaian kepada warga bandar raya terus dipermudahkan dan memperolehi pencapaian Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju.

Sekian, terima Kasih.

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
29 JUN 2022